

Dua lelaki mengaku miliki syabu dipenjara

MIRI: Dua lelaki dalam dua kes berasingan dijatuhi hukuman penjara masing-masing lima dan enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalah setelah mengaku bersalah atas pertuduhan memiliki syabu.

Tertuduh, Charles Bernard, 48 dan Danny Jonit, 32, masing-masing didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, Charles bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.09 gram (g).

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2.24 petang, 23 Mei lalu di sebuah premis di Jalan Desa Pujut, Bandar Baru Permyjaya di sini.

Manakala Danny didapati melakukan kesalahan serupa dengan memiliki syabu seberat 0.13g pada jam 4 petang, 25 April lalu di Jalan Harmoni, Kampung Lusut, di sini.

Setelah meneliti kesemua aspek termasuk pengakuan bersalah dan rayuan kedua-dua tertuduh, fakta kes, berat kesalahan yang dilakukan serta kepentingan awam, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima bulan terhadap Charles, sementara Danny enam bulan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kedua-dua tertuduh dikuatkuasakan bermula tarikh tangkapan masing-masing pada 23 Mei dan 25 April lalu.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.